



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1979

AMALAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN MENGIKUTI
SUAMI/ISTERI MEREKA MENGHADIRI UPACARA-
UPACARA RASMI DALAM MASA WAKTU PEJABAT

Adalah dimaklumkan bahawa terdapat amalan di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan mengikuti suami/isteri mereka menghadiri upacara-upacara rasmi dalam masa waktu pejabat. Adakalanya kehadiran mereka dalam upacara-upacara itu tidak diwajibkan.

2. Amalan ini, jika tidak dikawal, boleh menimbulkan kesan yang tidak diingini kepada pentadbiran. Oleh sebab itu, mulai dari tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini, adalah diputuskan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan **tidak dibenarkan** mengikuti suami/isteri mereka menghadiri upacara-upacara rasmi dalam masa waktu pejabat jika kehadiran mereka dalam upacara-upacara itu tidak diperlukan. Walau bagaimanapun jika kehadiran mereka dalam upacara-upacara itu diperlukan, maka mereka bolehlah berbuat demikian dengan mendapat kebenaran Ketua Pejabat/Ketua Jabatan mereka terlebih dahulu. Pihak yang menentukan sama ada seorang pegawai itu perlu atau tidak mengikuti suami/isterinya hadir di upacara berkenaan terpulanglah kepada Ketua Pejabat/Ketua Jabatan di mana pegawai itu bertugas. Sekiranya pegawai itu sendiri adalah Ketua Pejabat/Ketua Jabatan, terpulanglah kepada budi bicaranya sendiri ataupun ianya hendak merujuk perkara itu kepada Ketua Perkhidmatannya.

3. Ketua-ketua Pejabat/Ketua-ketua Jabatan adalah diminta mengawasi dengan teliti supaya peraturan ini dipatuhi oleh semua pegawai yang berkhidmat dalam Pejabat/Jabatan masing-masing.

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA,
TINGKAT 7, 9-14 & 16, BANGUNAN UMBC,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR

2hb Ogos, 1979